

# JPKIP disaran budaya konsep inovasi

► Bersedia terima perubahan dalam tadbir urus

UB 6.5.2016 Af

Oleh SADDAM EDRIS



**HARUN (tiga kiri) menyampaikan sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada salah seorang warga kerja UMS.**

**KOTA KINABALU:** Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Inovasi Pentadbiran (JPKIP) yang baru ditubuhkan tahun ini di bawah Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran agar dapat menyegerakan serta membudayakan konsep inovasi dalam kalangan warga kerja universiti berkenaan.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata mereka yang bekerja tidak kira sebagai pensyarah mahupun pentadbir hendaklah mengelak sikap terlalu tegas dan haruslah menerima perubahan baharu dalam tadbir urus sesebuah universiti itu.

“Dalam tadbir urus universiti, kita haruslah sentiasa mencari langkah yang terbaik dan dapat memudahkan urusan untuk mengelak berlakunya birokrasi. Misalnya, jika kelulusan sesuatu perkara mengambil masa selama dua minggu, kita cuba untuk percepatkannya selama tiga hari.

“Hal ini akan dapat menjimatkan masa dan keputusan dapat dibuat dengan cepat serta hasil atau output yang dijana akan lebih baik,” katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti (AKU) 2015 di Kompleks Dewan Kuliah Pusat (DKP) ke-2, di sini kelmarin.

Harun juga berhasrat menjadikan UMS satu

universiti yang sentiasa berdaya saing dan kekal relevan dipesa antarabangsa menjelang usia 22 tahun pada 24 November ini.

Beliau berkata pengiktirafan yang sudah dirangkul UMS seperti Top 200 QS: World University Ranking -By Subject dalam bidang pertanian dan perhutanan, pembinaan dua pejabat satelit antarabangsa di Heilongjiang Academy of Science Harbin China dan Kindai University Jepun serta pencapaian yang lain masih belum cukup lagi.

Katanya, pengiktirafan berganda haruslah diusahakan bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) yang telah

ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada UMS akan tercapai.

Beliau juga menyuarakan keyakinan pada Mesyuarat Pasca Kabinet dengan Menteri dan Ketua-Ketua Jabatan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bahawa UMS mampu memintas Universiti Putra Malaysia (UPM) dari segi QS: World University Ranking dalam bidang pertanian dan perhutanan.

Menurutnya, meskipun kenyataan itu dilihat agak skeptikal, namun beliau percaya bahawa ia adalah cabaran buat warga UMS untuk membuktikan kemampuan menjadi nombor satu dalam kedua-dua bidang itu di peringkat kebangsaan mahupun dunia.

Di samping itu, beliau berkata dalam usaha ke

arah EcoCampus, UMS juga melaksanakan pelbagai inisiatif menjelang 2018 seperti Eko-Pelancongan, Eco Awareness Week, Eco Recycling Centre, dan yang terbaharu Eco Farm yang bakal diwujudkan di Apin-Apin Keningau seluas 74 ekar dengan kerjasama pihak industri luar.

“Peluang sedemikian haruslah diambil agar imej UMS sebagai universiti tempatan yang membudayakan konsep EcoCampus akan menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat luar.

“Ia juga dapat mengajar warga UMS dan masyarakat sekeliling untuk berjimat cermat menggunakan sumber seperti air, kertas, elektrik dan bahan api supaya alam semulajadi sentiasa

terpelihara,” katanya.

Mengulas majlis pula, Harun berharap agar semua kakitangan UMS akan sentiasa bersiap sedia dan sentiasa memantapkan ilmu dalam apa jua kerja yang dilakukan bagi menghasilkan kualiti kerja yang terbaik demi

meningkatkan kecemerlangan universiti itu.

Terdahulu, seramai 552 warga UMS menerima pelbagai anugerah melibatkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Inovasi dan Anugerah Jasa Setia yang baru diperkenalkan

tahun ini bagi menghargai kesetiaan mereka yang sudah berkhidmat lebih 20 tahun.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah UMS Datuk Yusof Sarangit dan Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis AKU 2015 No'man Ahmad.